



## PENYELARASAN KADAR CAJ BARU BIRO PERKHIDMATAN E-FILING SEMENANJUNG MULAI 15.8.2014

**Q1.** Bagaimanakah caj biro dikira bagi kes Petisyen Pengangkatan (Kod 58) kerana dokumen yang perlu difailkan di bawah kod ini adalah melebihi dua (2) dokumen ?

**A1.** Dokumen yang wajib difailkan di bawah kes baru adalah Saman Pemula (Pengangkatan) dan Afidavit.  
Lain-lain dokumen perlu difailkan setelah nombor kes dijana

**Q2.** Bagaimanakah caj biro dikira bagi kes Pelaksanaan (Kod 76/56) kerana terdapat tiga (3) dokumen yang perlu difailkan di bawah kod ini termasuk salinan Perintah/Penghakiman ?

**A2.** Dokumen wajib di bawah kod ini adalah Praecipe untuk Writ dan Writ sahaja. Salinan Perintah/Penghakiman adalah di bawah senarai pengecualian.

**Q3.** Bagaimanakah caj biro bagi CD yang diimbas mempunyai dokumen melebihi 10 jilid ?

**A3.** Bagi 10 jilid yang pertama caj adalah sebanyak RM10 manakala tiada caj bagi jilid yang seterusnya.

**Q4.** Berapakah caj biro bagi satu (1) CD yang mengandungi beberapa dokumen bagi kes yang sama atau kes yang berlainan?

**A4.** Caj biro adalah RM10 untuk setiap dokumen bagi kes yang sama atau pun kes yang berlainan dalam 1 CD.

**Q5.** Apakah yang perlu dilakukan ke atas dokumen yang diterima melalui pos yang TIDAK disertakan caj biro perkhidmatan?

**A5.** Dokumen perlu dikembalikan melalui surat iringan yang disertakan senarai caj biro perkhidmatan yang baru.

**Q6.** Bagaimanakah caj biro bagi salinan resit bayaran deposit dalam petisyen pemiutang?

**A6.** Caj bagi salinan resit adalah RM 10.00.

**Q7.** Adakah caj biro perlu dikenakan bagi dokumen yang dikemukakan semula setelah ditolak oleh Mahkamah disebabkan kesilapan teknikal?

**A7.** Tidak perlu dikenakan caj.

**Q8.** Adakah caj biro perlu dibayar bagi dokumen yang ditolak oleh Mahkamah (Level 2) yang perlu diimbas semula.

**A8.** Pengimbasan tanpa bayaran adalah TIDAK di benarkan. Dinasihatkan peguam memfailkan semula dan memohon untuk pengembalian fi pemfailan (*Refile & Refund*).



**Q9.** Bagaimanakah caj biro dikira bagi kes Admiralti (Kod 27) kerana dokumen yang perlu difailkan di bawah kod ini adalah melebihi dua (2) dokumen ?

**A9.** Dokumen yang wajib di failkan di bawah kes baru adalah Writ Dalam Tindakan In Rem.

Lain-lain dokumen perlu difailkan setelah nombor kes dijana.

**Q10.** Bagaimanakah caj biro bagi Rayuan Tambahan?

**A10.** Caj biro bagi Rayuan Tambahan sebanyak RM10.

**Q11.** Adakah caj biro dikenakan terhadap Pelelong dan agensi kerajaan?

**A11.** Agensi kerajaan dikecualikan dari caj biro akan tetapi caj biro dikenakan terhadap Pelelong.